# Radius CIO @UTeM

Edisi 1 BIL. 1 2017 / www.utem.edu.my

Gema Laungan
**"One Spirit, One Team, One Voice"**
di Seri Menanti

UTeM Menjadi Tuan Rumah
**Mesyuarat MAPITA Bil 1/2017**

Kejayaan Diraih Silih Berganti Melalui
**Pertandingan KIK dan Anugerah Buku Negara**

**Jelajah kampus v2.0**
Beri Kemudahan Kepada Mahasiswa

# SIDANG REDAKSI

| | |
|---|---|
| PENAUNG | En. Mohd Isa bin Mohd Dom |
| PENASIHAT | GS. Dr. Othman bin Mohd<br>Pn. Norhazlena binti Sabtu<br>En. Arman bin Mohammad<br>Pn. Aziza binti Md Buang |
| KETUA EDITOR BERSAMA | Pn. Noornahar binti Hj Akashah<br>Dr. Ruziah binti Ali |
| EDITOR/PENULIS | Pn. Syahira binti Mohd Adnan<br>Pn. Rafizah binti Hj Mahfoz<br>Pn. Hayani binti Abu Yamin<br>En. Mohd Radzif bin Abd Hamid<br>Pn. Mimi Rahayu binti Hamdin<br>En. Mohd Dzulhisham bin Hashim<br>Pn. Fatonah binti Sallehudin<br>En. Azman bin Hj Ayup<br>Pn. Siti Saluwa binti Jamal<br>En. Mohd Mawardi bin Badruddin |
| TEKNIKAL/ PENERBITAN ELEKTRONIK | En. Nurhafidz bin Abdul Sahak<br>En. Hisamuddin bin Kamarudin |
| PEMBACA PRUF | En. Mohd Hafizuddin bin Yusof<br>Pn. Siti Zurah binti Mohd Nasir<br>Pn. Nurul Akmar binti Mehat<br>Pn. Hazilah binti Hamid |
| REKA LETAK & REKA BENTUK | En. Nazirul bin Termizi |

# Kandungan

MS

KATA ALUAN KETUA EDITOR 2
ASPIRASI CIO 3
LENSA
- Program Literasi ICT Bersama Pelajar Sekolah 6
- Mesyuarat MAPITA 7
- Bengkel 'Gap Analysis' SPK MS ISO 9001:2015 8
- English Language Day @ PPPK 8
- Kejayaan Diraih Silih Berganti 9
- Laungan "One Spirit, One Team, One Voice" di Seri Menanti 10
- Inisiatif Penerbit Universiti menyebarluaskan Hasil Penerbitan UTeM 11
- Perpustakaan Dekati Majlis Perwakilan Pelajar 12
- Gotong-royong Rapatkan Hubungan Staf 12
- Sahut Kempen Jom Baca Bersama 13
- Perpustakaan UTeM Anjur Latihan Pangkalan Data 13

KORPUS
- Sekitar Hari Keluarga UTeM 14
- Pertandingan Akhir Sukan Bola Tampar antara Jabatan 14
- Bengkel Penyediaan Manual Prosedur Kerja (MPK) Pejabat CIO 15
- Bengkel Pemerkasaan Pelan Strategik Pejabat CIO 15

I2K
- Ke arah Kecekapan Pengurusan melalui Pendigitalan Dokumen 16
- Perkembangan ICT UTeM 18
- Penerbit Universiti sebagai *Profit Centre* 20
- Hari Terbuka Perpustakaan 2.0 UTeM Platform Perkasa Budaya Membaca 21
- Book Donation Campaign 2017 22
- *Self Service Day* @ Perpustakaan UTeM 22
- Inisiatif PPPK terhadap Pencetak Berpusat UTeM 23
- Penerbit Universiti Tonggak Penerbitan Ilmiah 24
- Pengurusan Surat Rasmi secara Digital 25
- *Sharepoint On-Cloud* 26
- Staf Menunaikan Ibadah Haji 27
- Sanjungan Kasih 27

# Kata Aluan Ketua Editor

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Penerbitan RADIUS CIO @UTeM mencerminkan kesungguhan PTj-PTj di bawah tadbir urus Pejabat CIO (PPPK, Perpustakaan dan Penerbit Universiti) untuk menjayakan budaya kerja berpasukan melalui perkongsian maklumat terkini di kalangan pemegang berkepentingan untuk disebarluaskan kepada warga UTeM. Kami berharap RADIUS CIO @UTeM Insya-Allah akan diterbitkan setiap 6 bulan sekali agar dapat menjadi satu persada komunikasi bagi mengeratkan ikatan kerjasama dan persefahaman bersama - seUTeM. Ia juga merupakan usaha yang dilaksanakan oleh Pejabat CIO dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih bersepadu dan efisien khususnya kepada warga UTeM, amnya komuniti dalam dan luar Universiti melalui RADIUS CIO @UTeM. Kami berharap warga UTeM dapat mengetahui dengan lebih lanjut tentang projek serta inisiatif yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Pejabat CIO.

Sekian, terima kasih.

# Aspirasi CIO

Oleh: Syahira Mohd Adnan & Noornahar Hj. Akashah

**Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) yang berkembang pesat pada masa kini telah dan sentiasa memainkan peranan penting dalam membantu meningkatkan tahap kecekapan penyampaian perkhidmatan di UTeM.**

Penubuhan Pejabat Ketua Pegawai Maklumat (CIO) UTeM pada 6 Oktober 2016 bertindak sebagai peneraju pemodenan dan transformasi sistem penyampaian perkhidmatan di UTeM yang merupakan komitmen UTeM dalam memastikan semua aktiviti pembangunan ICT di UTeM dapat diselaraskan dan disepadukan. Pejabat CIO juga merupakan agen transformasi menerusi inovasi, kreativiti dan inisiatif pembaharuan yang berterusan. Ikuti temu bual eksklusif bersama CIO UTeM, Mohd Isa bin Mohd Dom berkaitan pandangan dan perancangan dalam menerajui Pejabat CIO agar ianya berada dipersada gemilang Universiti.

**1. Assalammualaikum. Tidak terlewat untuk kami dari sidang editor mengucapkan tahniah di atas perlantikan saudara sebagai Ketua Pegawai Maklumat UTeM. Boleh saudara jelaskan apa sebenarnya peranan Pejabat CIO?**

Waalaikumsalam. Pejabat Ketua Pegawai Maklumat atau dikenali Pejabat CIO telah ditubuhkan oleh Pengurusan Universiti. Pewujudannya menggabungkan 3 Pusat Tanggungjawab (PTj) iaitu Pusat Perkhidmatan, Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK), Perpustakaan dan Penerbit Universiti diletakkan di bawah kawalan tadbir urus Pejabat CIO. Peranan utamanya untuk meningkatkan tahap keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan dan bertanggungjawab menyediakan pelan strategik serta taktikal pembangunan pengurusan pengetahuan di UTeM, merangkumi Pengurusan Teknologi Maklumat, Pengurusan Pusat Sumber Rujukan dan Repositori dan Pengurusan Penerbitan.

Pejabat CIO juga turut berperanan sebagai peneraju perubahan melalui penjajaran Pelan Strategik ICT UTeM dan Pelan Strategik UTeM dengan keperluan Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Negara. Secara ringkasnya Pejabat CIO bertindak sebagai penyalur maklumat secara efektif, kreatif dan inovasi dengan menggunakan kaedah teknologi IT ke arah merealisasikan misi dan visi UTeM dan menjadi nadi kepada usaha pembangunan dan perkembangan budaya *Digital Campus* di UTeM.

**2. Penubuhan Pejabat CIO memberi kesan besar pada penstrukturan organisasi UTeM. 3 PTj iaitu PPPK, Perpustakaan dan Penerbit Universiti kini di bawah kawalan tadbir urus Pejabat CIO yang diketuai oleh saudara. Apakah perancangan strategik saudara dalam mengurus tadbir 3 PTj tersebut?**

Syukur Alhamdulillah, hasil dari kesepaduan ketiga-tiga PTj terhasillah sebuah *Strategy Map* bagi Pejabat CIO dalam menghadapi cabaran bagi tahun-tahun mendatang, dan seterusnya ke arah pencapaian kecemerlangan visi dan misi UTeM.

Pejabat CIO mempunyai 3 Strategik Objektif (SO) utama iaitu:

S1. Penerbitan dan Sumber Rujukan Teknikal Berimpak Tinggi.
S2. Tadbir Urus Perkhidmatan dan Libat Urus (Crowdsoucing, co-creation and collaboration) yang dinamik.
S3. Persekitaran Pengurusan Pengetahuan Bersistematik dan Berintegriti.

Bagi melaksanakan SO di atas, 4 *Internal Process* perlu dilaksanakan dengan sokongan 3 *Learning & Growth* dibangunkan. Kesemua ini berteraskan kepada 4 Nilai yang didokong iaitu:

1. Perkhidmatan.
2. Keterbukaan dan Kerjasama.
3. Pengetahuan dan Kreativiti.
4. Kecemerlangan Operasi.

Besar harapan saya agar perancangan yang disediakan ini dapat dicapai dengan jaya di PPPK, Perpustakaan dan Penerbit Universiti.

3. **Melihat kepada Visi Pejabat CIO – "***TOWARDS DIGITAL UNIVERSITY COMMUNITY***", saudara komited untuk mewujudkan Digital Campus. Boleh saudara nyatakan harapan saudara kepada 3 PTj dibawah Pejabat CIO ini dalam merealisasikan visi tersebut?**

Seperti saya nyatakan tadi, Pejabat CIO adalah sebagai perancang dan peneraju utama kepada usaha pembangunan dan perkembangan budaya *Digital Campus* di UTeM. Justeru itu, usaha ini telah dimulakan dengan pendigitalan dokumen di PPPK, Perpustakaan dan Penerbit Universiti dan seterusnya akan dilanjutkan keseluruh UTeM dan akhirnya hasrat mewujudkan *Digital Campus* Insya-Allah boleh tercapai.

Pusat Perkhidmatan, Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK) mensasarkan untuk meningkatkan penggunaan "Unifi Communicator" sebagai ruang komunikasi warga UTeM. Peningkatan kepada Infostruktur dan Infrastruktur rangkaian dan komunikasi ini akan mewujudkan budaya kerja harian dengan kaedah atau sistem yang mantap kepada pengguna dan seterusnya hasrat menjadikan UTeM sebagai *Digital Campus* Insya-Allah tercapai.

Perpustakaan akan menyediakan bahan rujukan secara digital yang boleh digunakan bukan sahaja warga UTeM tetapi terbuka kepada orang awam juga. Pelaksanaan Institutional Repository (IR) merupakan satu perkhidmatan penyimpanan dan penyebaran bahan ilmiah secara digital kepada pengguna dan di mana pengguna boleh mencari bahan rujukan secara atas talian. Ini merupakan salah satu usaha ke arah *Digital Campus*. Di samping itu, Perpustakaan kini dalam proses transisi agar mengikut kesesuaian cita rasa Generasi Y – era digital. Perpustakaan tidak lagi dilihat sebagai khutub khanah iaitu tempat penyimpanan buku tetapi sebagai lokasi pencarian ilmu secara digital, tempat pertemuan yang santai dan menjadi tempat rujukan ilmu pada setiap masa.

Penerbit Universiti, telah mula melaksanakan usaha meningkatkan penerbitan bahan cetak dengan dasar baharu dan penerbitan dalam bentuk digital (e-book) serta meningkatkan pendapatan Penulis dengan peningkatan royalti. Di samping itu, langkah-langkah penjimatan dan pengurangan kos diteruskan dengan penubuhan Unit Percetakan bagi melaksanakan Percetakan Berpusat.

4. **Kami difahamkan bahawa saudara melaksanakan *Task Based System* di PPPK dan kini diperluaskan ke Perpustakaan dan Penerbit Universiti. Didapati sistem ini dapat diterima oleh staf di PPPK dan ia dapat meningkatkan prestasi kerja staf. Boleh saudara terangkan apa itu *Task Based System* dan kenapa kaedah ini digunakan?**

*Task Based System* merupakan satu kaedah pengagihan kerja kepada staf dengan menentukan penetapan jumlah jam kepada setiap kerja yang dilaksanakan. Pegawai atau Penyelia perlu merancang dan mengagih kerja kepada staf di bawah seliaanya dengan menetapkan jumlah jam kepada kerja yang diberikan dan jumlah jam ini dikomulatifkan secara tahunan. Maklumat jumlah jam dan maklumat-maklumat lain dalam penghasilan kerja yang diperoleh akan dianalisa dan dijadikan markah di dalam Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LPPT) iaitu penilaian ke atas Penghasilan Kerja (Wajaran 50%), secara lansung tanpa penilaian semula oleh Pegawai Penilai. Dengan kaedah ini markah atau penilaian prestasi tahunan dapat dilaksanakan secara lebih objektif. Tiada lagi tekanan-tekanan negatif kerana staf perlu dan sentiasa mengetahui kedudukan markah mereka sepanjang tahun. Dengan kaedah ini juga, pemantauan KPI dan projek dapat dilaksanakan dengan lebih cekap kerana setiap pegawai perlu menyediakan tugasan kepada stafnya agar setiap staf mendapat jumlah jam yang mencukupi untuk prestasi kerja dan penilaiannya. PPPK merupakan PTj perintis yang melaksanakan kaedah ini. Pelaksanaan *task based system* ini telah diperluas ke PTj di bawah Pejabat CIO iaitu di Penerbit dan Perpustakaan. Pelaksanaan *task based system* ini memberi pelbagai manfaat antaranya pemantauan kerja yang lebih berkesan, pembahagian tugas yang seimbang, penilaian prestasi lebih objektif seterusnya mewujudkan budaya kerja yang lebih efektif dan efisien.

5. **Di akhir pertemuan ini, apakah kata-kata nasihat atau perangsang dari saudara kepada pentadbir ke arah kecemerlangan khususnya dalam konteks UTeM dan umumnya di luar Universiti.**

Bekerja adalah satu cabang ibadah yang dituntut oleh Allah SWT. Kejujuran dan kesungguhan dalam bekerja pastinya bukan sahaja mendapat hasilnya di dunia tapi pastinya juga di akhirat. Bekerjalah secara berpasukan atau *teamwork* dan sentiasa berlapang dada dalam menjalankan tugasan. Sekiranya kita sendiri sentiasa positif maka ia akan mewujudkan persekitaran yang harmoni dan boleh mendatangkan impak yang baik kepada organisasi. Sentiasa bersungguh-sungguh dalam melaksanakan sesuatu tugasan yang diamanahkan walaupun kadangkala kita rasa ianya adalah mustahil.

> "Don't be disappointed if you fail, but you are doomed if you don't try.
> Take charge in whatever you do. Don't worry about the steak, because that steak will be coming later"

6. **Terima kasih saudara atas kesudian meluangkan masa kepada kami untuk temu bual ini. Kami dari RADIUSCIO@UTeM mengucapkan tahniah di atas perlantikan saudara sebagai Ketua Pegawai Maklumat UTeM dan pelantikan sebagai Pengerusi MAPITA bagi penggal ke-4. Kami mendoakan agar saudara dirahmati Allah, dimurahkan rezeki dan kesihatan yang berpanjangan serta bahagia dan ceria bersama keluarga tersayang. Satu soalan terakhir saudara – apa rahsia saudara kekal cergas dan bersemangat sehingga kini?**

Terima kasih dan Alhamdulliah. Syukur kepada Allah SWT yang telah menganugerahkan saya rezeki dan tanggungjawab ini. Sesungguhnya tugasan ini amat berat tetapi Insya-Allah jika kita sentiasa bekerja sebagai satu pasukan, yang berat menjadi ringan, yang susah menjadi mudah dan yang penting sentiasa bersyukur kepada Allah SWT. Bagi saya untuk kita kekal cergas dan bersemangat, kita harus sentiasa gembira dengan kerja kita. Gembira dengan apa yang kita buat, gembira dengan apa yang kita hadapi kerana 'enjoyment' tersebut, kita akan rasa bersemangat dan bertenaga dalam menjayakan kerja kita. Di samping itu juga saya sentiasa percaya pasukan di CIO, PPPK, Perpustakaan dan Penerbit sentiasa memberikan 100% komitmen dalam menjalankan tugasan mereka bagi membangunkan organisasi di bawah Pejabat CIO ini. Merekalah 'hero-hero' kita semua.

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada mereka di atas apa jua usaha mereka kini dan selamanya. Akhir kata saya mengucapkan terima kasih kepada Sidang Editor RADIUS CIO @UTeM kerana memberikan ruang ini kepada saya. Saya amat berharap agar RADIUS CIO @UTeM ini dapat dijayakan dan dihasilkan dua kali setahun sebagai satu wadah penyampaian mengenai CIO, PPPK, Perpustakaan dan Penerbit kepada masyarakat UTeM dan umum, sesuai dengan penerbitannya.




# Program LITERASI ICT Bersama Pelajar Sekolah

Oleh: Siti Zurah Mohd Nasir

Permintaan kepada konsep pembelajaran tanpa sempadan dalam era digital, kini melambangkan transformasi berterusan sedang berlaku dalam bidang pendidikan. Integrasi ICT dalam pengajaran dan pembelajaran serta pembudayaan teknologi dalam pendidikan menandakan satu langkah besar ke hadapan. Justeru itu, PPPK telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan Program Literasi ICT dibawah program khidmat masyarakat. Program yang disokong sepenuhnya oleh Pejabat CIO ini telah diadakan pada 28 Mac 2017, bertempat di Bilik Latihan 1 PPPK, dan telah disertai oleh 40 orang murid dari Sekolah Kebangsaan Parit Melana, Durian Tunggal. Antara objektif penganjuran program tahunan tersebut adalah untuk mendedahkan murid-murid sekolah tentang hal berkaitan teknikal dan perisian asas bagi komputer, menarik minat murid-murid sekolah serta mendedahkan mereka terhadap penggunaan teknologi maklumat terkini dalam sistem pengajaran dan pembelajaran serta dapat diaplikasikan dalam kehidupan harian. Program ini juga diharap mampu merapatkan jurang digital di kalangan masyarakat setempat.

# Mesyuarat MAPITA

Oleh: Rafizah Mahfoz

Mesyuarat MAPITA Bil. 1/2017 telah berlangsung pada 20 – 22 Mac 2017, di mana UTeM melalui PPPK telah dipilih menjadi tuan rumah. Mesyuarat pada kali ini telah dihadiri oleh 20 orang Pengarah atau Wakil Pengarah ICT UA, wakil dari Bahagian Pengurusan Maklumat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP), Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti (JPKK), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan juga wakil Institut Pengajian Tinggi Swasta.

**Sidang kali ini juga lebih menarik apabila Tuan CIO UTeM iaitu En. Mohd Isa bin Mohd Dom telah dilantik semula dan diberi kepercayaan untuk menerajui sebagai Pengerusi MAPITA bagi penggal ke- 4.**

MAPITA merupakan singkatan kepada Majlis Pengarah-Pengarah ICT IPTA yang mana ianya melibatkan keahlian semua Pengarah-Pengarah ICT dan yang berstatus CIO di Universiti Awam Malaysia, Politeknik, Kolej Komuniti, MQA dan PTPTN serta Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). MAPITA merupakan majlis yang tidak melibatkan sebarang penurunan kuasa eksekutif, namun merupakan salah satu platform bagi mendapat kata sepakat dalam mencari kaedah terbaik bagi setiap perancangan dan pelaksanaan ICT di Universiti Awam (UA). Antara pengisian MAPITA adalah perkongsian kepakaran secara "best practices" dalam ICT, melaksanakan projek-projek ICT dibawah kementerian dan menggabungkan tenaga secara *task force.* Antara pencapaiannya:

1. Membantu dalam menyediakan dokumen depan Dasar e-Learning Negara dari sudut Infrastruktur (Jawatankuasa Penyelaras Infrastruktur IPTA).
2. Menyediakan dokumen Massive Open Online Course (MOOCs) bersama dengan MEIPTA.
3. Integrasi Data HRMIS - KPM – IPTA.
4. Membangunkan Sistem E-IPTS KPT.
5. Memantau pelaksanaan microsoft perlesenan *Campus License* serta lain-lain lesen perisian berpusat bersama BPMICT.
6. Makmal Kompetensi Microsoft di:
   (a) Pusat Pengurusan Teknologi Maklumat, UMT.
   (b) Pusat Khidmat Teknologi Maklumat & Komunikasi, UNIMAS.
   (c) Pusat Komputer, UUM.
   (d) Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi USM.
7. Program Mentor Mentee Laman Web.
8. Latihan di kalangan staf IT (Program Kecemerlangan UMT).
9. Perkongsian Pintar melalui seminar seperti Bengkel Perkongsian Amalan Terbaik.
10. Lawatan kerja ke universiti luar antaranya Microsoft Sydney, University of New England dan University of Sydney.

# BENGKEL 'GAP ANALYSIS' SPK MS ISO 9001:2015

Oleh: Azman Ayop

Bengkel 'Gap Analysis' Dokumen Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 dan Risiko anjuran Bahagian Pentadbiran Perpustakaan UTeM telah diadakan pada 15 dan 16 Mac 2017. Program ini telah dihadiri seramai 22 orang staf yang terdiri daripada Pustakawan dan Penolong Pustakawan. Bengkel dua hari ini telah diadakan di Bilik Jamuan, Pusat Pengajian Siswazah (PPS), UTeM bertujuan memberi pendedahan kepada para peserta mengenai keperluan ISO 9001:2015 seperti prinsip kualiti, memahami Pemikiran Berasaskan Risiko (RBT) dan berupaya mengurus peralihan ke arah perlaksanaan MS ISO 9001:2015.

Penceramah jemputan ialah Encik Abdul Ghani bin Fathil, Pengarah Kualiti, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang berkongsi pengalaman beliau dalam melaksanakan MS ISO 9001:2015 di UniMAP di mana UniMAP merupakan Universiti Awam pertama yang dianugerahkan pensijilan MS ISO 9001:2015. Sepanjang dua hari berbengkel, para peserta diberikan pendedahan mengenai perbezaan versi MS ISO 9001:2008 dan MS ISO 9001:2015 dan penekanan mengenai pengurusan risiko seperti menganalisa, merawat, memantau, semakan semula risiko daripada setiap Prosedur Kerja. Perpustakaan UTeM telah menerima pensijilan MS ISO 9001:2008 pada tahun 2011 dan kini sedang beralih kepada pensijilan MS ISO 9001:2015.

Sepanjang dua hari berbengkel, para peserta diberikan pendedahan mengenai perbezaan versi MS ISO 9001:2008 dan MS ISO 9001:2015 dan penekanan mengenai pengurusan risiko seperti menganalisa, merawat, memantau, semakan semula risiko daripada setiap Prosedur Kerja.

> Perpustakaan UTeM telah menerima pensijilan MS ISO 9001:2008 pada tahun 2011 dan kini sedang beralih kepada pensijilan MS ISO 9001:2015.

# ENGLISH LANGUAGE DAY @ PPPK

By: Siti Zurah Mohd Nasir

The English Language Day has been officially launched on the 27 March 2017 by the Director of Knowledge And Communication Services Centre formerly known as PPPK. It has been initiated by Administrative Division as one of the activities of Solidarity Programme in 2017. The English Language Day will be held on every Wednesday starting January, 2017.

> The objective of running the programme is to encourage the employees in PPPK to participate and communicate in english as english is a global language.

Speaking english among the employees should be seen as fun and cool because it develops them to be more confident, be open minded, enhance communication skill, be proud and happy.

Our mission, this programme will be a part of life long learning process, to reunite the employees by giving them better understanding as they learn from each other. It also helps to create learning culture in our working environment.

# Kejayaan DIRAIH SILIH BERGANTI

Oleh: Hayani Abu Yamin, Azman Ayop & Mohammad Dzulhisham Hashim

> Rahsia kejayaan bagi sesebuah organisasi, adalah apabila kesatuan memainkan peranan penting untuk mencapai kejayaan. Dalam hal ini, kerja berpasukan merupakan salah satu bentuk pengurusan dan prasyarat penting untuk membina kesatuan demi mencapai kejayaan organisasi tersebut. Buktinya adalah apabila kejayaan telah diraih silih berganti oleh PPPK, Perpustakaan dan Penerbit Universiti di bawah pengurusan Pejabat CIO.

Ini dapat dilihat melalui beberapa pertandingan yang telah disertai antaranya Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK) peringkat antarabangsa, Kumpulan KIK *techI Tez* dari PPPK telah mengharumkan nama Malaysia apabila berjaya meraih Anugerah Emas di *International Convention On Quality Control Circles* (ICQCC), Bangkok, Thailand. Lebih membanggakan lagi Kumpulan KIK *techITez* merupakan kumpulan pertama di kalangan Pentadbir yang berjaya membawa KIK sehingga ke peringkat antarabangsa.

Konvensyen ini melibatkan 12 negara lain yang turut bertanding mengikut kategori pengurusan dan juga teknikal seperti India, Singapura, Indonesia, China, Korea, Jepun, Sri Lanka, Taiwan, Thailand, Filipina, dan Bangladesh. Penganjuran ICQCC kali ini adalah anjuran *The Association of QC Headquarters of Thailand*. Konvensyen ini telah diadakan di The Centara Grand, Central Plaza Ladprao Bangkok Hotel.

Kejayaan ini juga memberikan inspirasi kepada Kumpulan *POLISH* dengan mengikut jejak langkah PPPK apabila telah dipilih sebagai Johan Kategori Pengurusan dalam Konvensyen KIK Kali Ke-3 UTeM yang berlangsung di Dewan UTeM 1, Kampus Teknologi pada 1 Mac 2017. Kumpulan ini membawa tajuk projek "Kegagalan Menutup Komputer Selepas Digunakan" iaitu kaedah inovatif penjimatan elektrik melalui penutupan komputer secara automatik selepas tamat waktu bekerja.

Kumpulan *POLISH* akan mewakili UTeM dalam Konvensyen KIK Universiti Awam di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) pada Ogos 2017. Semoga dengan kemenangan oleh kedua-dua PTj dalam pertandingan KIK ini akan menyuntik semangat kepada warga kerja UTeM untuk lebih komited dan cemerlang lagi dalam pelaksanaan inovasi di tempat kerja. Manakala Penerbit Universiti tidak kurang hebat apabila telah melakar sejarah tersendiri dengan merangkul Anugerah Buku Negara 2017 bersempena dengan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2017 (PBAKL 2017).

Buku bertajuk "Ujana Ilmu Lestari Kejayaan" telah memenangi Anugerah Buku Negara bagi kategori Buku Biografi Terbaik (Institusi). Buku tersebut dihasilkan bersempena Majlis Konvokesyen UTeM ke-12 pada tahun 2016 yang memaparkan kejayaan dan pencapaian Universiti dalam bentuk rangkap pantun yang disulami dengan tulisan jawi yang menjadi keunikan kepada naskhah ini. Pada majlis tersebut, UTeM diwakili oleh Pengarah Pejabat Pengurusan Program, Hajah Faridah Mohd Amin selaku Ketua Editor Kedua menerima piala dan sijil penghargaan disampaikan oleh Presiden Persatuan Penjual Buku Malaysia, Keith Thong dan disaksikan oleh Pengerusi Yayasan Pembangunan Buku Negara, Hasan Hamzah.

# Laungan "ONE SPIRIT, ONE TEAM, ONE VOICE" di Seri Menanti

Oleh: Azman Ayop

Kursus "One Spirit, One Team, One Voice" yang telah diadakan di Seri Menanti Resort selama tiga hari bermula 10 Februari hingga 12 Februari 2017 yang lalu telah berjaya mencapai objektifnya iaitu melahirkan warga kerja yang berdedikasi, bersemangat tinggi dan komited dalam melaksanakan tanggungjawab.

Kursus yang disertai seramai 60 orang staf perpustakaan itu dianjurkan Unit Latihan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar UTeM dan dirasmikan oleh Datuk Naib Canselor, UTeM.

> Antara amanat yang disampaikan adalah, tanggungjawab staf sebagai pemimpin dalam meningkatkan tahap pengurusan, urus tadbir yang terbaik dan kepentingan kerja dalam berpasukan.

Turut diselitkan dalam ucapannya, adalah beliau menyarankan agar dapat mengaplikasikan segala ilmu yang dikongsikan sepanjang kursus berkenaan sebagai satu suntikan motivasi yang dapat meningkatkan mutu kerja staf.

Banyak aktiviti berkumpulan telah dilakukan sepanjang kursus berlangsung bagi mengeratkan lagi ukhuwah dan meningkatkan kerjasama di antara staf.

Kursus berkenaan turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Maklumat, Mohd Isa bin Mohd Dom dan Amir bin Aris selaku fasilitator kursus.

# Inisiatif Penerbit Universiti

## MENYEBARLUASKAN HASIL PENERBITAN UTeM

Oleh: Mohammad Dzulhisham Hashim

Penerbit Universiti, telah menyebarluaskan hasil penerbitan ilmiah UTeM di dalam dan luar negara selari dengan objektifnya di bawah pengurusan Pejabat CIO iaitu meningkatkan jualan dan penerbitan buku. Beberapa inisiatif telah dilaksanakan dalam konteks meningkatkan hasil jualan buku diantaranya adalah menyertai pameran-pameran buku dibawah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia iaiti MAPIM.

Pesta Buku Utara 2017, 26 Februari hingga 4 Mac 2017 merupakan pembuka tirai bagi acara pameran buku MAPIM. Pesta buku ini menjadi acara tahunan UUM itu disertai oleh ahli-ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) di samping syarikat-syarikat penerbitan swasta dari seluruh negara. Kemudian disusuli pula dengan kemuncak bagi pameran buku buat Penerbit Universiti di bawah MAPIM dengan menyertai Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2017 (PBAKL 2017) yang berlangsung di PWTC dari 28 April hingga 7 Mei 2017.

> Objektif utama penyertaan Penerbit Universiti UTeM dalam setiap pameran yang disertai bersama MAPIM adalah untuk memasarkan buku-buku produk UTeM dan mengukuhkan peranan UTeM sebagai antara penyumbang penerbitan ilmiah di negara ini.

Selain dari menyertai aktiviti pameran di bawah MAPIM, Penerbit Universiti juga tidak ketinggalan memasarkan produknya di dalam Universiti sendiri. Berikutan kejayaan siri Jelajah Kampus Penerbit Universiti pada tahun lalu, Koperasi UTeM Berhad tampil mengadakan kolaborasi bersama Penerbit Universiti bagi menjayakan Jelajah Kampus V2.0. Program berkonsepkan kedai buku bergerak ini telah memberikan kemudahan kepada mahasiswa mendapatkan bahan rujukan masing-masing. Jelajah Kampus V2.0 telah berlangsung di lobi Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) Kampus Induk, ruang kafetaria Kampus Teknologi dan lobi Kampus Bandar disambut baik oleh pelajar-pelajar UTeM yang ingin mendapatkan modul pembelajaran. Penganjuran program tersebut memberi kemudahan kepada pelajar di ketiga-tiga kampus untuk membeli buku-buku yang diperlukan bagi menghadapi semester yang baharu dibuka.

# PERPUSTAKAAN DEKATI MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

Oleh: Siti Saluwa Jamal

Perpustakaan UTeM selain dilihat sebagai gedung ilmu, ia juga merupakan sebuah pusat sehenti kepada pelajar sama ada untuk melepaskan lelah atau mengulangkaji. Mengambil kira keperluan pelajar, Perpustakaan UTeM telah mengadakan satu pertemuan dengan Majlis Perwakilan Pelajar UTeM 2016/2017 (MPP) pada 22 Februari lalu.

Pertemuan itu diketuai oleh Timbalan Ketua Pustakawan Kanan Arman Mohammad, dan dihadiri oleh Yang Di Pertua MPP, Abdul Hanif Abdul Rani, Exco Akademik dan Hal Ehwal Fakulti, Chee Chit Sing dan Exco Kebajikan dan Komuniti, Shumitra Radakrishnan.

Antara perkara yang disentuh dalam perbincangan itu adalah, khususnya aspek kebajikan pelajar di perpustakaan seperti parkir, koridor pejalan kaki, sistem tempahan bilik, penggunaan bilik perbincangan, program pendidikan pengguna, sistem perpustakaan bersepadu, sistem pendingin hawa di perpustakaan, *water cooler*, projek pengubahsuaian ruang aras 1, khidmat masyarakat dan lain-lain lagi.

Dalam pertemuan ringkas itu, Perpustakaan UTeM memohon kerjasama MPP sebagai ejen penyampai maklumat kepada para pelajar dan juga sukarelawan untuk projek-projek khidmat masyarakat yang dianjurkan oleh perpustakaan.

Turut hadir ialah Timbalan Ketua Pustakawan Perkhidmatan Maklumat, Azman Ayup, Timbalan Ketua Pustakawan Pembangunan Sumber, Siti Saluwa Jamal, dan Pustakawan Kanan Bahagian Pentadbiran, Fauziah Hassan.

# GOTONG - ROYONG

## *Rapatkan Hubungan Staf*

Oleh: Siti Zurah Mohd Nasir

Program gotong-royong mengecat ruang dalaman bangunan Pusat Perkhidmatan Pengetahuan Dan Komunikasi (PPPK) telah berlangsung dengan jayanya pada 7 April lalu. Program penuh muhibbah yang melibatkan staf Pejabat Ketua Pegawai Maklumat (CIO) ini juga memberikan nafas baharu kepada kedua-dua pejabat tersebut.

Objektif utama program ini diadakan untuk menghidupkan suasana pejabat yang lebih ceria dan menarik.

Selari dengan objektif solidariti PPPK, program yang dianjurkan oleh Bahagian Dasar & Pentadbiran ini dilihat mampu mengeratkan silaturahim dan mewujudkan semangat kerja berpasukan yang mantap di kalangan staf PPPK dan Pejabat CIO.

# Sahut Kempen Jom Baca Bersama

Oleh: Fatonah Sallehudin

Staf Penerbit Universiti tidak melepaskan peluang untuk bersama-sama menyahut seruan bagi menjayakan kempen Jom Baca Bersama Untuk 10 minit yang diadakan dari jam 11 pagi hingga 11.10 pagi di Pejabat Penerbit Universiti, Kampus Bandar UTeM.

Program yang dianjurkan sempena Hari Buku Sedunia itu turut menjadi agenda tahunan Penerbit Universiti sebagai usaha membudayakan amalan membaca dalam kalangan staf Penerbit Universiti yang merupakan penerbit buku-buku ilmiah Universiti. Aktiviti ini disertai seluruh warga Penerbit Universiti yang meluangkan membaca pelbagai jenis dan kategori buku secara serentak selama selama 10 minit.

# PERPUSTAKAAN UTeM *Anjur* LATIHAN PANGKALAN DATA

Oleh: Mohd Mawardi Badruddin

Perpustakaan UTeM telah bekerjasama dengan pembekal pangkalan data bagi mengadakan latihan penggunaan pangkalan Science Direct & Scopus, Emerald dan Turnitin kepada 125 peserta yang terdiri daripada staf akademik, pelajar dan kakitangan perpustakaan pada 8 Februari, 23 Februari dan 1 Mac 2017.

> Latihan berkenaan adalah bertujuan memberi pendedahan dan membantu ahli akademik, penyelidik dan pelajar dalam menghasilkan artikel jurnal yang berimpak tinggi.

Manakala latihan Turnitin pula adalah bagi meningkatkan kecekapan warga akademik untuk menyemak hasil kerja pelajar agar bebas dari gejala plagiat. Program itu juga telah membuka peluang kerjasama Perpustakaan UTeM dengan salah sebuah syarikat yang mengambil bahagian iaitu, Emerald Publishing yang bercadang memberikan sesi penerbitan bersama syarikat itu pada masa akan datang.

Antara lain tujuan utama latihan ini adalah untuk mendedahkan ahli akademik dan pustakawan mengenai ciri-ciri terbaru yang terdapat pada pangkalan data berkenaan dan turut didedahkan kaedah untuk mewujudkan 'class ID' bagi memudahkan pelajar menghantar tugasan untuk semakan pensyarah.

# KORPUS

Sekitar Hari Keluarga UTeM
21 Januari 2017

Pertandingan Akhir Bola Tampar
Sukan antara Jabatan
25 Julai 2017

Bengkel Penyediaan Manual Prosedur Kerja (MPK) Pejabat CIO
08-09 Jun 2017

Bengkel Pemerkasaan Pelan Strategik Pejabat CIO
14-15 Febuari 2017

# Ke arah Kecekapan Pengurusan melalui Pendigitalan Dokumen

Ruziah Ali, Othman Mohd, Mohd Isa Mohd Dom & Mimi Rahayu Hamdin
ruziah@utem.edu.my; mothman@utem.edu.my; mohdisa9@utem.edu.my; mimi@utem.edu.my
Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Malaysia

Kepesatan kemajuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) telah mencetuskan pelbagai bentuk perkhidmatan baharu secara digital kepada organisasi. Penyampaian maklumat terkini adalah lebih berkonsepkan proses sikronisasi melalui penggunaan perkhidmatan *share point* dalam pengurusan organisasi. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan penggunaan salah satu perkhidmatan digital share point untuk pengurusan dokumen organisasi di UTeM. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis SWOT berdasarkan empat dimensi utama iaitu kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman bagi menjelaskan pelaksanaan pengurusan pendigitalan dokumen. Sumbangan utama daripada kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor kejayaan bagi pengurusan pendigitalan dokumen di UTeM. Secara tidak langsung ianya juga memperjelaskan mengenai aspek yang mempengaruhi perubahan proses kerja harian, penjimatan sumber tenaga dan mengoptimumkan penggunaan TMK pengurusan organisasi yang sedia ada.

*Kata kunci:* Pendigitalan Dokumen, Prestasi Pekerja, Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

## 1.0 PENGENALAN

Kepesatan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) pada masa ini telah memainkan peranan penting dalam merapatkan jurang digital di antara agensi dan masyarakat. TMK berpotensi dan telah membuka peluang dalam mewujudkan jaringan sinkronisasi perkhidmatan secara digital di kalangan agensi penyedia perkhidmatan. Pengurusan dokumen secara digital adalah antara perkhidmatan yang berupaya untuk meningkatkan kecekapan dan perolehan pengurusan maklumat di agensi. Bagi mengenal pasti keupayaan dan penambahbaikan yang telah dibuat melalui TMK, UTeM telah dipilih dalam kajian yang diadakan. Merujuk kepada ISO 15489, Information and Documentation – Records Management, 2001, di mana dokumen ini menggariskan bahawa dokumen yang sedia ada di dalam bentuk salinan keras (hard copy) perlulah didigit dan disimpan ke dalam pangkalan data utama bagi membolehkan ianya diurus dengan baik, dicapai dalam masa yang singkat apabila diperlukan dan diarkibkan apabila sampai tempoh masa yang ditetapkan. Menurut Badie et al. (2014), seperti agensi pengurusan yang lain, pihak universiti perlu menggunakan sebaik mungkin penggunaan TMK seperti e-mel, sistem pengurusan maklumat, laman web, dan internet dalam pengurusan perkhidmatan. Peruntukan kewangan yang terhad terutama di IPTA adalah antara cabaran yang dikenal pasti pada masa ini dan memerlukan agensi mengambil langkah yang sewajarnya dalam meningkat mutu perkhidmatan mereka. Bagi mengatasi cabaran ini, pelbagai aplikasi TMK telah dibangun dan digunakan secara digital. Walau bagaimanapun masih terdapat kerja-kerja pengurusan yang dibuat secara luar talian dan menggunakan dokumen salinan keras di agensi seperti urusan surat menyurat diagensi. Berdasarkan Septer (2013), pendekatan e-Dokumen melalui penggunaan pendigitalan dokumen adalah antara revolusi TMK yang pesat berkembang dan merupakan alternatif yang dikenal pasti dalam membantu keperluan pengurusan universiti secara digital. Ianya berupaya dalam mengoptimumkan penggunaan teknologi, menjimatkan masa, ruang dan menawarkan tempat simpanan yang tekal.

## 2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Permohonan mendigital semua dokumen rasmi Universiti secara berpusat telah mendapat kelulusan pengurusan UTeM. Intipati kelulusan tersebut adalah merangkumi pelaksanaan kerja sehingga penghasilan *output* yang diguna pakai. Projek yang dimulakan pada akhir tahun 2016 ini telah menjadikan Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK) sebagai kajian projek perintis sebelum ianya dilaksanakan di Pusat Tanggungjawab yang lain. Pembangunan aplikasi e-Dokumen bagi pendigitalan dokumen dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan Dokumen PPPK, menggunakan perincian Microsoft Share Point dan pangkalan data MySQL.

## 3.0 TATAKAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif sebagai pengumpulan data. Menurut Hair, (2010), penyelidikan berasaskan kualitatif merupakan suatu proses inkuiri untuk memahami isu melalui pandangan responden yang terlibat serta dijalankan dalam keadaan sebenar dan semula jadi. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis SWOT berdasarkan empat dimensi utama iaitu kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman bagi menjelaskan pelaksanaan pengurusan pendigitalan dokumen.

# 4.0 DAPATAN KAJIAN

Pelaksanaan kajian ini melibatkan pelbagai pihak yang berkepentingan dalam pengurusan dokumen. Mereka terdiri daripada:

1. Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar.
2. Ketua Kerani.
3. Pembantu Tadbir Fail.

## 4.1 Kajian Analisis SWOT

Projek perintis e-Dokumen pendigitalan telah dilaksanakan hampir 5 bulan di PPPK. Hasil dapatan kajian dari projek perintis ini telah dipetakan dalam bentuk analisa SWOT bagi mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman pada projek yang telah dilaksanakan seperti berikut:

a) Kekuatan

i. Penjimatan-Jika sebelum ini setiap dokumen seperti surat perlu diedarkan salinan kepada pihak pengurusan PPPK. Namun dengan penggunaan aplikasi yang dibangunkan dokumen tersebut disimpan dalam pangkalan data yang boleh digunasama oleh pengguna yang lain. Dokumen hanya dicetak sekiranya perlu.

ii. Capaian fail lama- lanya boleh dilaksanakan pada bila-bila masa oleh pengguna dan berupaya untuk mengelakkan kehilangan dokumen.

iii. Penjimatan ruang penyimpanan fail- Kaedah pendigitalan mampu untuk mengurangkan ruangan peyimpanan fail yang sedia ada di mana ruang yang ditinggalkan ini digunakan untuk tujuan yang lain.

b) Kelemahan

Pegawai yang berkemahiran- Konsep ini memerlukan petugas yang mahir dalam melaksanakan proses pendigitalan dokumen hinggalah penyimpananya. Untuk itu, latihan diperlukan dalam meningkatkan kecekapan pegawai yang terlibat.

c) Peluang

Pengwujudan `one stop centre' melibatkan dokumen- Penstrukturan tenaga dan proses kerja perlu dikaji semula agar segala dokumen yang diperolehi akan dihantar melalui sebuah pusat sehenti. Pusat ini bertanggungjawab dalam urusan melibatkan dokumen tanpa mengabaikan prosedur keselamatan dokumen.

d) Ancaman

Budaya kerja memainkan peranan penting dalam melaksanakan sesuatu tugasan. Lazimnya pekerja akan berasa cepat berada dalam zon selesa. Perubahan proses kerja melalui media baharu ini menjadikan budaya kerja harian turut berubah. Untuk itu sokongan dari pihak pengurusan amat diperlukan agar anjakan dalam budaya kerja berteraskan konsep pendigitalan dapat diterima oleh mereka.

## 4.2 Faktor ke arah Kejayaan Pendigitalan Dokumen

Faktor kejayaan dapat membantu mengenalpasti perkara kunci untuk mejayakan sesebuah perancangan, mempengaruhi sesuatu kejayaan atau mengakibatkan kegagalan perancangan oleh pihak pengurusan (Caralli, 2014). Oleh itu berpandukan analisis 3.1 faktor ke kejayaan pendigitalan dokumen yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Faktor Komitmen Pengurusan

Penglibatan aktif dari pihak berkepentingan amat diperlukan. Ini adalah kerana sistem e-Dokumen perlu dibuat secara konsisten dan menyeluruh (Barbara,2015). Kepimpinan pihak pentadbir, komitmen pengurusan profesional dan sokongan, mampu menjayakan pengurusan dokumen (Ali, 2014). Ini kerana, dengan adanya sokongan dan komitmen pihak pengurusan, ianya menjadi anjakan dalam budaya kerja yang berteraskan konsep digital.

2. Faktor Keperluan Dasar dan Garis Panduan

Kewujudan sesuatu dasar diperlukan dalam sesebuah organisasi dan mestilah mengandungi arahan dan pengurusan yang jelas, dalam membantu mengimplementasi dan menyelenggara keselamatan maklumat (Ali, 2014). Untuk menjadikannya lebih berkesan, garis panduan yang digubal hendaklah relevan, boleh dicapai dan difahami oleh pekerja dalam sesebuah organisasi (Ali, 2013). Dasar dan garis panduan memerlukan komitmen daripada pihak pengurusan, bantuan prosedur dan rangka kerja bantuan teknikal yang bertepatan.

3. Faktor Peralatan, Kewangan dan Latihan

Peralatan dan peruntukan kewangan adalah nadi bagi menjayakan pengurusan secara digital. Terdapat keperluan mendapatkan alatan terkini sama ada dalam bentuk perkakasan mahupun perisian. Kecemerlangan yang berterusan merupakan matlamat utama setiap organisasi yang ingin berjaya (Kampffmeyer, 2014). Sumber tenaga yang mahir dan berpengetahuan tinggi menjadi objektif utama dalam memacu kegemilangan universiti agar sentiasa teguh berdiri dalam menghadapi pelbagai cabaran dan krisis yang mendatang (Julianti, 2010). Latihan yang dibekalkan oleh pihak pengurusan universiti perlu seiring dalam merintis teknologi ke hadapan.

4. Faktor Keuntungan Organisasi

Pendigitalan dokumen dapat meningkatkan keuntungan organisasi melalui kos operasi, kos operasi bahan mentah dan pentadbiran fleksibiliti sesebuah organisasi. lanya merujuk kepada cara kerja yang pelbagai sama ada dari aspek masa, tenaga dan sebagainya (Ali, 2014). Dalam persaingan dan penstrukturan sesebuah universiti yang bergantung kepada sumber kewangan terhad dan isu kekurangan staf, pendigitalan dokumen adalah salah satu inisiatif bagi menjadikan pekerja menguasai pelbagai bidang atau *multi tasking.*

5. Faktor Kepuasan Bekerja

Kelewatan dalam perkhidmatan sesebuah organisasi antaranya disebabkan oleh pergerakan dokumen yang perlahan, isu interaksi antara pekerja dan bahagian dalam atau luar agensi. Justeru itu dengan adanya pengurusan pendigitalan dokumen ini masalah kesaling bergantungan tugasan berupaya untuk dikurangkan. Kesaling bergantungan merupakan satu dimensi teknologi kerana ia merupakan satu proses untuk merubah *input* bagi menghasilkan sesuatu *output*. Justeru itu apabila kepuasan bekerja tercapai, perancangan dan pelaksanaan akan menemui kejayaan.

# 5.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi, tahap perkhidmatan perlu ditingkatkan melalui komitmen pegawai dan penggunaan teknologi yang sedia ada. Berdasarkan hasil analisis kajian yang dijalankan, pihak pengurusan Universiti adalah disarankan untuk membangunkan strategi pengurusan pendigitalan dokumen supaya anjakan dalam budaya kerja yang berteraskan konsep digital dapat diterima. Faktor-faktor ke arah kejayaan pendigitalan dokumen yang sewajarnya perlu diambil bagi memastikan proses ini dilaksanakan dengan berkesan. Hasil daripada kajian ini juga dapat dimanfaatkan khususnya oleh pentadbir yang terlibat bagi meningkatkan keberkesanan proses pengurusan dokumen. Di samping itu, kajian ini berupaya menjadi sumber rujukan kepada pihak pentadbir untuk membentuk strategi pengurusan pendigitalan dokumen yang bersistematik, berkualiti dan bersesuaian dengan misi dan visi universiti.

# 6.0 RUJUKAN


Ali, R. Bani Hashim, A. Y., Razak, A., Abidin, A. Z., Yusof, M., & Raheem, A. (2011). Strategi e-PemaSaran di dalam tranSformaSi PemaSaran Penerbitan buku. Journal of Human Capital Development, 4(1), 79-89.

Ali, R. Abd Razak, A. Z., Mohamad Yusof, A. R., & Ahmad, R. (2014). Usage of e-Marketing in the Scholarly Publishing Sector in an Emerging Economy and its Relationship to Profitability. . International Journal of Science Commerce and Humanities, 2(5), 1-9.

Ali, R. (2014) "Dilema Penerbitan Ilmiah di Malaysia: Penerapan Dasar dan Amalan serta Hubungkaitnya dengan E-Pemasaran." Jurnal Pengajian Media Malaysia 15, (2)

Barbara A.C. (2015). Lessons learned from the other side: grief resolution through the use of mediums for connecting to the other side spirits. Bloomington: iUniverse Publisher.

Caralli, R.A.(2014). The critical Success Factor Method: Establishing a Foundation for Enterprise Security Management. Carnegie Mellon, Software Engineering Institute, Pitssburgh.

Hair, J. F., Anderson, R. E., Tatham, R. L., & Black, W. C. (2010). Multivariate Data Analysis. (4th ed.). New Jersey: Prentice Hall.

Julianti, L.M. (2010). Pengaruh budaya kerja terhadap prestasi pekerja pada kilang kelapa sawit (PKS) rambutan PTPN III (Persero). Tesis Sarjana Ekonomi, Jabatan Manajemen, Program S1 Ekstensi Medan, Fakulti Ekonomi Universiti Sumatera Utara, Medan

Kampffmeyer, U. (2014). EIM Enterprise Information Management. PROJECT CONSULT Unternehmensberatung GmbH, Hamburg, Germany. Germany: LinkedIn

# Perkembangan ICT UTeM

Oleh:Samsul bin Samdin

## Fasa Perkembangan ICT

Perkembangan ICT pada awalnya bergantung kepada pertambahan pelajar, staf dan infrastruktur bangunan kampus. Pada peringkat permulaan, keperluan yang paling minima kemudahan ICT telah dibangunkan pada awal 2001 di Kampus Taman Tasik Utama, Ayer Keroh, Melaka untuk memastikan perkhidmatan ICT yang terbaik dalam menyokong aktiviti pengajaran & pembelajaran, penyelidikan dan pentadbiran. Pada ketika itu, bilangan staf PPPK (dahulunya dikenali sebagai Pusat Komputer) cuma seramai lima orang yang bertanggungjawab dalam menyediakan kemudahan ICT untuk 528 pelajar dan 100 orang staf Universiti. Pada masa yang sama, pembangunan sistem aplikasi utama mula dibangunkan secara dalaman dengan kaedah berfasa iaitu Sistem Maklumat Pelajar, Sistem Maklumat Sumber Manusia dan Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu.

Bagi memastikan perancangan strategik ICT seiring dengan perancangan strategik Universiti serta memenuhi keperluan Pelan Perancangan KPT maka ICT Blueprint telah dihasilkan pada tahun 2004 yang kenali sebagai *Information & Communication Technology Stategic Plan* (ISP) 2004 – 2012. Pelan strategik ini telah digunakan sebagai rujukan utama dalam perancangan ICT yang menentukan hala tuju ICT Universiti sehingga tahun 2012. Pada tahun 2005, PPPK telah berpindah ke Kampus Teknologi di Ayer Keroh, Melaka yang mana tahap kemudahan ICT yang disediakan adalah lebih baik berbanding Kampus Taman Tasik Utama, Ayer Keroh, Melaka. Lokasi Kampus Teknologi adalah berada di dalam bangunan industri yang telah dilengkapi dengan infrastruktur rangkaian ICT yang berstruktur dan tersusun.

Pada tahun 2008, PPPK telah berpindah untuk kali yang ketiga ke Kampus Induk yang mana tahap kemudahan ICT merupakan yang terbaik di kalangan Universiti Awam (UA) yang lain dengan kemudahan seperti *20Gb network backbone, fully redundant core and distribution, cloud services* dan sebagainya. Pada asasnya perkembangan Pusat Data dapat memberi gambaran kasar berkaitan kemudahan infrastruktur ICT yang telah disediakan kepada pelajar dan staf secara amnya. lanya dapat dilihat pada Gambar rajah 1.

**Gambar rajah 1: Perkembangan Pusat Data**

Kampus Bandar

**kampus Bandar**

**April 2001 - Ogos 2005**

1. *Pusat Data yang paling asas dengan penggunaan peralatan rangkaian yang paling minima.*
2. *Satu server digunakan untuk melaksanakan lebih dari satu fungsi.*
3. *Penggunaan single core network backboned, single core switch dan single rack.*
4. *Tiada backup power dan tiada UPS.*
5. *Tiada penggunaan sensor dan detection system.*
6. *Tiada penggunaan storage area network (SAN).*
7. Ruang yang terlalu sempit.

Kampus Teknologi

**kampus Teknologi**

**Sept.2005 - Sept.2008**

1. *Pusat Data yang berkapasiti sederhana.*
2. *Penggunaan lebih daripada satu server mengikut fungsi yang spesifik.*
3. *Penggunaan double core switches dan double distribution switches.*
4. *Pengunaan 10 core network backboned.*
5. *Ada backup power yang minimal dan UPS.*
6. *Penggunaan sensor dan detection system yang paling minimal.*
7. *Penggunaan central aircon dan split aircon.*
8. *Ruang yang sempit.*

Kampus Induk

**Kampus Induk**

**Oktober 2008 - .....**

1. Pusat Data yang memenuhi *standard second tier data canter*.
2. Penggunaan *of side* Pusat Data di kampus lain.
3. Pengguanaan lebih daripada 100 unit *virtual server*.
4. Penggunaan *redundant core switch* dan *distribution switch*.
5. Pengguanaan 20 *core network backboned*.
6. Penggunaan *backup power* daripada *generator* dan *battery bank*.
7. Penggunaan *precession aircon* dan *split aircon*.
8. Penggunaan sepenuhnya *alert, sensor* dan *detection system*.
9. Pengguna *storage area network* (SAN) sepenuhnya.
10. Ruang yang mencukupi untuk pertambahan *rack* baru.

## Fasa Pemantapan ICT

Pada ketika ini, perkembangan ICT Universiti berada pada tahap yang terbaik sama ada dari sudut infrastruktur atau pun dari sudut infostruktur dalam menuju ke arah Kampus Digital, di mana lebih 50% staf di PPPK yang mana lebih daripada 50% daripada mereka telah mempunyai pengalaman melebihi 10 tahun dalam ICT mengikut bidang pengkhususan masing-masing. Jelas terbukti sebanyak 7 aplikasi sistem utama yang terdiri lebih daripada 150 modul telah dibangunkan secara dalaman. Penggunaan *virtual server, virtual desktop infrastructure* (VDI), *cloud,* wifi, mesin pencetak berpusat dan sebagainya merupakan kemudahan infrastruktur ICT yang boleh diperoleh terus oleh pelajar, penyelidik dan staf. Di samping itu, pembangunan *unified communication* (UC) sedang giat dibangunkan yang akan digunakan oleh semua warga UTeM ini merupakan satu era baharu penggunaan teknologi komunikasi yang terkini yang bakal dilaksanakan di UTeM.

Dalam pemantapan perancangan dan pelaksanaan ICT seiring dengan keperluan Pelan Strategik Universiti 2012 – 2020 dan keperluan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025, buku pelan strategik ICT Universiti telah dibangunkan yang dikenali sebagai UTeM ICT Blueprint 2014 – 2020. Dokumen ini merupakan rujukan utama dalam membuat perancangan ICT sehingga 2020 terutama dalam menyediakan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) PPPK pada setiap tahun.

## Hala Tuju ICT

Hala tuju ICT untuk beberapa tahun yang akan datang bergantung pada beberapa faktor:

1. *Trend* teknologi ICT dalam pendidikan tinggi.
2. Keperluan dalam Pelan Strategik Universiti 2012 – 2020.
3. Keperluan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025.

Kewujudan generasi digital masa kini iaitu golongan muda yang membesar dalam persekitaran dunia teknologi digital, telah meningkatkan permintaan pembelajaran dalam talian dengan pesat. Oleh yang demikian, segala kemudahan infrastruktur ICT dan infostruktur ICT bukan sahaja mampu menyokong perkembangan *trend* ICT masa kini malah berupaya dalam mengadaptasikan dalam pengoperasian harian terutama seperti dalam pengguna teknologi *Big Data, Bring Your Own Device* (BYOD), *flip learning,* MOOCS dan sebagainya. Berikut adalah *trend* ICT terkini yang harus disokong daripada Platform Infrastruktur dan Infostruktur ICT UTeM seperti yang terdapat dalam Gambar rajah 3.

**Gambar rajah 3: Trend ICT terkini yang harus disokong daripada Platform Infrastruktur dan Infostruktur ICT UTeM**



Oleh itu, penjenamaan semula PPPK merupakan satu langkah yang tepat kerana PPPK perlu melihat skop ICT yang lebih luas dan menyeluruh dalam memastikan UTeM membina reputasi dengan mempunyai keupayaan yang dinamik, mampu menarik minat pelajar sama ada dari dalam dan luar negara, berdaya saing serta mampu meramal cabaran mendatang dan bersedia bertindak secara berkesan. Akhir sekali, PPPK mampu bertindak sebagai:-

1. Penggerak dan agen perubahan pengurusan dalam membudayakan penggunaan ICT secara menyeluruh.
2. Perancang dan peneraju pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) Universiti terkini.
3. Pakar perunding dalam pengurusan ICT organisasi.
4. Pemudahcara (Enabler) bagi pelaksanaan program pemodenan dan transformasi sistem penyampaian pentadbiran, pengurusan, pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan dan pembangunan.

Besar harapan PPPK dengan adanya fasiliti ini diharap mampu mengekalkan ahli akademik terbaik yang dapat menyumbang secara signifikan kepada kemajuan penyelidikan, menghasilkan siswazah yang dapat menguasai dan mengamalkan ilmu yang dipelajari demi kemajuan masyarakat setempat, negara dan sejagat.

# PENERBIT UNIVERSITI *Sebagai* PROFIT CENTRE

Oleh: Mohammad Dzulhisham Hashim

Penerbit Universiti yang dipertanggungjawabkan sebagai pusat ke arah penjanaan kewangan Universiti sekali gus ia merupakan cabaran baharu yang diletakkan kepada Penerbit Universiti setelah bernaung di bawah Pejabat Ketua Pegawai Maklumat. Inisiatif ini sedikit sebanyak telah mengubah lanskap kerja di Penerbit Universiti bagi memastikan misi ini dapat dijayakan sepenuhnya.

Menyedari akan pentingnya tanggungjawab yang diamanahkan ini, Penerbit Universiti menerima cabaran berkenaan dan kini mengatur langkah dan strategi sebagai persediaan melangkah ke dunia perniagaan sebenar. Jika sebelum ini penjanaan kewangan untuk Universiti diperoleh daripada hasil jualan buku, namun kini produk lain yang diterbitkan oleh Penerbit Universiti juga mempunyai harga dan nilainya yang tersendiri.

Kepelbagaian produk terbitan Penerbit Universiti seperti item seni reka grafik, rakaman video dan pembikinan montaj, perkhidmatan pencetakan, dagangan hak cipta, penerbitan buku karya kreatif, khidmat rundingan untuk penerbitan, reka bentuk grafik dan rakaman video merupakan usaha ke arah penjanaan kewangan tersebut.

Dalam merealisasikan usaha dan misi ini, kesemua bahagian dalam Penerbit Universiti telah memainkan peranan yang penting kerana dalam setiap penghasilan atau penerbitan produk memerlukan kerjasama pasukan yang mantap oleh setiap warga kerjanya.

Sebagai langkah awal dan persediaan untuk mengharungi cabaran ini, Penerbit Universiti telah memperkemaskan Dasar dan Garis Panduan Penerbitan yang menjadi rujukan dan pegangan utama dalam menjalankan setiap aktiviti penerbitan, percetakan dan penerbitan video. Kini beberapa langkah susulan seperti mempromosikan perkhidmatan berbayar Penerbit Universiti kepada masyarakat luar juga sedang giat dijalankan terutamanya menerusi media sosial dan jaringan kerjasama dengan agensi kerajaan dan sektor korporat.

# HARI TERBUKA PERPUSTAKAAN 2.0 UTeM

## *Platform Perkasa Budaya Membaca*

Oleh: Azman Ayop

Perpustakaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan *Library Day 2.0* selama tiga hari bermula pada 18 hingga 20 April 2017 bertujuan untuk menyatakan kepentingan perpustakaan sebagai platform memperkasa budaya membaca dan gedung ilmu pengetahuan serta bermaklumat.

Pemangku Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Arman Mohammad berkata, program tersebut merupakan kesinambungan daripada program yang pernah diadakan sebelum ini iaitu Festival Membaca, Jom Borak dan *Library Day* yang bertujuan menarik minat para pelajar mengunjungi perpustakaan di samping mengubah sesetengah persepsi yang menyatakan bahawa perpustakaan hanya sesuai untuk ulat buku.

"Pelbagai aktiviti menarik yang disediakan sepanjang program ini berlangsung, antaranya pertandingan *Selfie@ Library*, Teka 3 Kotak Misteri, Kau Tarik Aku Tarik, *Spot Your Question, Counter Strike, Street Soccer* dan *Treasure Hunt*. Turut diadakan ialah sesi perkongsian pengurusan kewangan *Know Your CCRIS Talk* dan gerai-gerai jualan" ujar beliau ketika ditemui selepas merasmikan program tersebut di Kampus Induk Durian Tunggal di sini.

"Antara aktiviti yang paling mendapat sambutan para pelajar dan staf adalah permainan *Counter Strike, Street Soccer* dan *Treasure Hunt* yang memerlukan kerjasama berpasukan" katanya. Arman berkata, pihaknya merancang untuk menganjurkan program tersebut sebagai acara tahunan bagi menghidupkan suasana santai dalam perpustakaan.

> Secara tidak langsung aktiviti-aktiviti sebegini juga sebagai dorongan serta semangat di samping membentuk modal insan yang cemerlang dari segi lahiriah dan rohaniah.

Jelas beliau, program ini turut mendapat sambutan yang positif serta memberangsangkan dari seluruh warga UTeM kerana memberi peluang kepada pelajar untuk menggunakan keseluruhan ruang perpustakaan sebagai wadah pencetus maklumat secara santai di samping dapat memberi informasi yang bermanfaat.

# BOOK DONATION CAMPAIGN 2017

By: Mohd Mawardi Badruddin

Perpustakaan UTeM is organizing a campaign - 'Book Donation Campaign 2017' from January to December 2017. The campaign is open to all UTeM resident by submitting materials to the Circulation Counter at Perpustakaan UTeM whether in the Main Campus, City Campus or Technology Campus. In addition Perpustakaan UTeM also willing to take the materials contributed at their respective areas. This campaign provides an opportunity for UTeM resident in sharing reading materials and also to enriching the attitude of loving books among the community at large. It is one of the initiatives to diversify the collection of existing library materials, as well as to create a network of information between the User and Perpustakaan UTeM. It is hoped that 'Book Donation Campaign 2017' accomplished successfully in order to enhance the diversity of the collection of appropriate reading materials UTeM resident.

# SELF SERVICE DAY @ PERPUSTAKAAN UTeM

Oleh: Azman Ayop

Every Wednesday since 24 February 2016, Perpustakaan UTeM, is implementing a Self Service Day. This activity involves the process of borrowing and returning books by using a self-service machines, namely Self-Check Machines and Book Drop Machine. These service can be found at the Main Campus, City Campus and Technology Campus. In using these facilities, Users need to go the machine and follow the instructions provided in the system. Users Guidelines is also available on the machines. One of the main reason of holding Self Service Day is to optimize the use of the facilities provided by Perpustakaan UTeM.

# Inisiatif PPPK terhadap Pencetak Berpusat UTeM

Oleh: Al-Qais Alias

Inisiatif pengurusan mesin pencetak berpusat merupakan salah satu usaha Universiti untuk merancang, mengurus dan menyelaras perbelanjaan secara berhemah. Kemudahan perbekalan mesin pencetak ini bermula pada tahun 2016 untuk tempoh 5 tahun.

> Sepanjang tahun 2016, inisiatif ini telah menunjukkan penjimatan sehingga 44% daripada kos percetakan dan hampir 20% daripada kos sewaan.

Beberapa faktor penting telah diambil kira dalam memastikan inisiatif ini dapat dikawal dan diselia dengan baik.

Ini merupakan inisiatif bagi memastikan kelangsungan sokongan kepada aktiviti-aktiviti percetakan di peringkat pentadbiran, pengajaran dan pembelajaran berlaku dengan sempurna.

Justeru itu, inisiatif ini banyak memberikan impak positif kepada Universiti dalam memastikan sumber dan perkhidmatan percetakan berpusat yang dibekal dan diperuntukkan berada pada tahap yang optimum. Di samping itu, inisiatif ini juga boleh menjana pendapatan sampingan Universiti menerusi perkhidmatan percetakan berbayar kepada pelajar dan staf yang ingin menggunakan perkhidmatan secara peribadi.

# PENERBIT UNIVERSITI **TONGGAK** PENERBITAN ILMIAH

Oleh: Fatonah Sallehudin

Gandingan mantap lima bahagian dalam Penerbit Universiti telah melakar beberapa kejayaan khususnya dalam bidang penerbitan. Bermula dengan hanya menerbitkan bahan-bahan grafik dan cetakan bahan promosi Universiti sahaja sejak awal penubuhannya, Penerbit Universiti kini boleh berbangga dengan menerbitkan lebih 200 judul buku ilmiah, siri monograf, modul pengajaran dan pembelajaran, jurnal dan buku teks.

Penerbit Universiti sebagai sebuah PTj yang dipertanggungjawabkan sebagai pusat penerbitan buku ilmiah, produk seni reka grafik dan multimedia, Penerbit Universiti terus mengorak langkah berpandukan pelan perniagaannya yang telah meletakkan nama Universiti bukan sahaja di peringkat nasional malah melangkaui persada antarabangsa. Buku terbitan Penerbit Universiti kini bukan sahaja menjadi sumber rujukan dan bacaan warga Universiti malah turut mendapat penerimaan masyarakat luar.

Penyertaan Penerbit Universiti dalam pesta buku dalam dan luar negara telah meningkatkan imej Universiti sekali gus menonjolkan keberadaan Penerbit Universiti dalam dunia penerbitan sebaris dengan penerbit terkemuka yang lain. Pesta buku antarabangsa yang pernah disertai Penerbit Universiti antaranya Pesta Buku Antarabangsa Brunei, Pesta Buku Antarabangsa Indonesia, Pesta Buku Antarabangsa Tokyo dan Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt.

Selain daripada penyertaan dalam pesta buku, buku terbitan Penerbit Universiti juga diiktiraf dan berjaya memenangi beberapa anugerah buku berprestij. Sejak empat tahun kebelakangan ini, buku ilmiah terbitan Penerbit Universiti tanpa gagal berjaya menarik perhatian juri Anugerah Buku Negara.

| Tahun | Judul | Anugerah |
|---|---|---|
| **2013** | Masjid Sayyidina Abu Bakar | Buku Umum Terbaik (Kategori Khazanah dan Warisan) |
| **2014** | A Transformation Journey 55 Tips on Personal and Career Excellence | Buku Terjemahan Terbaik |
| | Adobe Flash CS5 Professional Includes Exercise Files and Training | Buku Umum Terbaik (Kategori Perisian Multimedia) |
| **2015** | Melaka Wadah Tumpuan | Buku Umum Terbaik (Kategori Coffee Table) |
| **2016** | Wealth Creation From Commercialisation of R&D Products Real Life Experiences of Malaysia Researchers | Buku Peyelidikan dan Pembangunan Terbaik |

Pengiktirafan ini adalah faktor pendorong kepada Penerbit Universiti untuk terus mempamerkan mutu perkhidmatan cemerlang khususnya dalam menerbitkan buku ilmiah terbaik bukan sahaja untuk dipertandingkan malah mempunyai nilai pasaran yang tinggi serta mampu memberikan sumbangan kepada masyarakat. Ini kerana penerbitan buku ilimiah yang terbaik mampu memberikan impak yang besar antaranya sumbangan kepada data *Malaysia Research Assessment Instrument* (MyRA), Sistem Peningkatan Kualiti Data KPM (MyMohes), penjanaan pendapatan, pengiktirafan dan menyokong aspirasi Dasar Buku Negara.

# *Pengurusan Surat Rasmi*
# SECARA DIGITAL

Oleh: Noornahar Hj. Akashah

"Surat" secara amnya dikhaskan untuk komunikasi atas kertas. Surat adalah mesej bertulis daripada satu pihak kepada satu pihak yang lain, mengandungi maklumat dan menggalakkan pengekalan perhubungan antara kedua-dua pihak serta menyumbang kepada perlindungan dan pemuliharaan celik huruf. Bagi sesetengah orang, Surat dilihat sebagai persembahan bertulis. Sebahagian yang lain, ia dilihat sebagai satu cara komunikasi dan cara mendapat maklum balas. Pada masa-masa tertentu, penulisan Surat telah meningkat menjadi suatu bentuk seni dan genre sastera, misalnya dalam era Byzantine.

"Suratan Rasmi" diklasifikasikan sebagai surat-menyurat yang dihasilkan oleh mana-mana organisasi sama ada organisasi awam atau organisasi swasta mengikut standard yang telah ditetapkan dari segi struktur dan kandungannya. Ia merupakan salah satu medium komunikasi antara organisasi dengan organisasi yang lain atau individu, untuk menyampaikan maklumat. Surat menjadi fokus utama organisasi kerana ianya boleh dijadikan bahan bukti dan juga bahan untuk kecemerlangan atau kehancuran sesebuah organisasi mahupun negara. Surat yang diwujudkan oleh organisasi atau negara menjadi suatu dokumen rasmi yang harus dipelihara dan dilindungi serta disediakan mengikut format tertentu.

Di dunia purba, surat ditulis pada pelbagai bahan, termasuk besi, plumbum, tablet kayu bersalut lilin, serpihan-serpihan tembikar, kulit haiwan dan papyrus. Kedatangan era teknologi komunikasi telah mempelbagaikan kaedah penghantaran surat. Sebagai contoh, kewujudan telegraf telah memendekkan masa yang diambil, namun ia masih perlu ditukarkan dalam bentuk bertulis atas kertas dan dihantar kepada penerima. Seterusnya adalah Teleks dan kemudian diikuti Mesin Faks (Faksimili): Surat boleh dipindahkan daripada penghantar kepada penerima menerusi rangkaian telefon sebagai imej. Hari ini, internet, melalui e-mel, memainkan peranan yang besar dalam komunikasi bertulis; Walau bagaimanapun, komunikasi e-mel ini tidak secara amnya dirujuk sebagai Surat tetapi sebaliknya sebagai mesej/pesanan e-mel atau e-mel.

Penambahbaikan yang berterusan dalam sistem penyampaian perkhidmatan sentiasa menjadi fokus utama organisasi terutamanya bagi meningkatkan keberkesanan komunikasi dalaman dan luaran. Surat, memo, dan e-mel merupakan antara medium komunikasi utama untuk menyampaikan maklumat, arahan, keputusan, memohon maklumat, pertimbangan dan kelulusan. Kejelasan dan ketepatan isi kandungan surat, memo, dan e-mel serta penggunaan format yang seragam akan memudahkan penerima memahami mesej yang hendak disampaikan. Dalam era masa kini, di mana semua perkara berlaku di hujung cari. Bagi menyokong pengendalian urusan pentadbiran yang berterusan, memenuhi keperluan perundangan dan memastikan akauntabiliti, organisasi mestilah mewujudkan dan menyelenggarakan Surat Rasmi yang sah, andal dan boleh digunakan, di samping melindungi keutuhan rekod tersebut selama ia diperlukan. Bagi melakukannya, organisasi hendaklah mewujudkan dan melaksanakan satu program pengurusan rekod yang menyeluruh.

Pengurusan surat-menyurat rasmi secara digital bertujuan untuk mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan dan capaian rekod serta ketelusan perkhidmatan melalui penggunaan teknologi ICT. Memastikan fungsi-fungsi pewujudan, penawanan, penyimpanan, pengedaran dan pelupusan surat dilaksanakan secara sistematik dan terkawal mengikut prinsip-prinsip pengurusan rekod yang digariskan. Khususnya, ia dapat membantu organisasi menangani peralihan dan perubahan pengurusan rekod dari persekitaran konvensional kepada persekitaran elektronik.

Kini, Surat Rasmi dapat disalurkan kepada penerima dengan pantas bersama dengan catatan untuk tindakan. Pelaksanaan secara aplikasi *Share Point* memudahkan urusan, mempercepatkan masa serta membantu dalam urusan pemantauan sama ada tindakan telah diambil atau belum. Pengurusan e-Surat ini merupakan insiatif awalan untuk menuju ke arah pendigitalan surat-menyurat yang menyeluruh. Surat Rasmi yang diterima atau dihantar boleh disimpan secara digital, tiada lagi urusan pengendalian surat-menyurat secara konvensional – Surat direkod dalam fail dan fail disimpan dalam kabinet di mana akhirnya memerlukan kos yang tinggi untuk perolehan kabinet besi, mangga dan ruang simpanan yang besar. Pengendalian surat-menyurat dan fail secara digital - menjimatkan ruang, kos dan masa pencarian.

# Sharepoint On-Cloud

Oleh: Mimi Rahayu Hamdin

Apakah *Sharepoint*? *Sharepoint* merupakan sebuah aplikasi berasaskan web dan digunakan untuk pelbagai tujuan seperti pengurusan dokumen, *e-learning*, pengurusan mesyuarat serta boleh digunakan sebagai laman sesawang. Kebanyakkan organisasi menggunakan *Sharepoint* sebagai medium membina laman sesawang mereka. Antara organisasi yang membangunkan laman web mereka menggunakan platform ini adalah Etihad Airways, Petronas dan Telekom Malaysia. Di mana pengguna boleh menjumpainya? Untuk semua pengguna *email Office 365*, hanya perlu tekan pada *navigasi* (atau dipanggil top bar). Rujuk gambar 1.

Gambar 1




5 perkara yang anda boleh lakukan dengan *SharePoint.*

| | |
|---|---|
| **Memuat naik pelbagai jenis dokumen di dalam document library dan boleh dicapai dari mana-mana sahaja** | Drag and drop dokumen anda dari komputer ke documen library atau di dalam Sharepoint Online, klik Upload pada menu bar.   |
| **Membuka dokumen di dalam document library.** | Di dalam document library, klik pada dokumen yang ingin digunakan. Dokumen berkenaan akan dibuka menggunakan persekitaran Office Online.   |
| **Melakukan kerja-kerja pengubahsuaian dokumen bersama-sama rakan anda.** | Di dalam document library, klik untuk membuka dokumen yang akan diedit/dibuat. Dokumen akan dibuka di dalam Office Online. Bilangan pengguna yang boleh melakukan kerja editing boleh dilihat disini. |
| **Berkongsi dokumen** | Pilih dokumen yang ingin dikongsikan bersama-sama rakan anda, klik tanda (...) untuk membuka menu seterusnya, dan klik Share. |
| **Menyimpan versi lama dokumen ketika dokumen sedang di edit.** | Di dalam SharePoint Online, klik butang kanan pada dokumen berkenaan dan pilih Version History .   |

# Staff Menunaikan Ibadah Haji

EN. JAMAL ABD. NASIR BIN ABD. WAHAB
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat

PN. MIMI RAHAYU BINTI HAMDIN
Pegawai Teknologi Maklumat Kanan

**DOA MOHON HAJI YANG MABRUR**

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ حَجًّا مَبْرُورًا وَذَنْبًا مَغْفُورًا
وَسَعْيًا مَشْكُورًا وَعَمَلاً صَالِحًا مَقْبُولاً وَتِجَارَةً لَنْ تَبُورَ

***YA ALLAH, YA TUHAN KAMI KURNIAKANLAH HAJI YANG MABRUR DAN AMPUNKANLAH DOSA-DOSA HAMBA DAN PEKERJAAN HAJI YANG DIPUJI, AMALAN SOLEH YANG DITERIMA DAN PERNIAGAAN YANG TIDAK MERUGIKAN***

# Sanjungan Kasih

~Bersara pilihan~

Ransang Minda
`Apakah Erti Hidup Tanpa Cabaran ….???
Jangan Biarkan Kehidupan Ala Kadar Menguasai Diri.
Hayati Kehidupan, Rangsangkan Minda Anda Untuk Mencuba Yang Baru'

Stimulate Your Mind
`What Is Life Without Constant Challenges …???
Do Not Succumb To The Mundane.
Provoke Your Mind To Try The Unknown'

EN. SAMSUL BIN SAMDIN
Timbalan Pengarah (Bahagian Dasar & Pentadbiran)
(25 Jun 2001 – 30 Jun 2017)

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

www.utem.edu.my

**PENERBIT UTeM *Press***
Laman Sesawang : **www.utem.edu.my/penerbit**
Kedai Buku Atas Talian : **utembooks.utem.edu.my**
Emel : **penerbit@utem.edu.my**